



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2005

PINDAAN IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM BAGI PEGAWAI GRED 41 DAN 42 SERTA GRED 45

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan melaksanakan penetapan satu gred satu kadar Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi pegawai gred 41 dan 42 serta gred 45.

LATAR BELAKANG

2. Di bawah Sistem Saraan Malaysia, ITKA bagi pegawai gred 41 dan 42 serta gred 45 dibayar atas dua kadar berdasarkan gred dan tempoh perkhidmatan dalam gred yang sama atau setaraf. Kerajaan telah meneliti semula penetapan kadar ini dengan memberi perhatian ke atas prinsip satu gred satu kadar yang diterima pakai di bawah Sistem Saraan Malaysia. Setelah dipertimbangkan, Kerajaan bersetuju ITKA bagi gred 41 dan 42 serta gred 45 dibayar atas satu kadar sahaja iaitu RM300.00 sebulan.

KADAR BARU IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM

3. ITKA bagi pegawai gred 41 dan 42 serta gred 45 adalah ditetapkan seperti berikut:

(a) Pegawai Gred 41 dan 42

KADAR SEBULAN (RM)	
SEMASA	BARU
300.00*	
170.00	300.00

* Kadar ITKA RM300 sebulan diberi kepada anggota yang berkhidmat pada tahun ke 10 dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambilkira tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

(b) Pensyarah Gred 45

KADAR SEBULAN (RM)	
SEMASA	BARU
300.00*	
170.00	300.00

* Kadar ITKA RM300 sebulan diberi kepada anggota yang berkhidmat pada tahun ke 5 dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh perkhidmatan yang diambilkira tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2006**.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar ITKA bagi pegawai gred 41 dan 42 serta gred 45 yang ditetapkan di perenggan 3 Lampiran C8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI ABDUL WAHAB BIN MULAJAT)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

05 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan